



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA



Balai Seni Negara  
National Art Gallery

UKK/600-01/05 (77)

## SIARAN MEDIA

### GWANGJU BIENNALE 2024: KARYA ZULKEFLI JAIS ANGKAT NAMA MALAYSIA KE PENTAS SENI ANTARABANGSA

**7 SEPTEMBER 2024 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)** melalui agensinya, **Balai Seni Negara**, dengan bangga mempersembahkan karya seniman muda, **Zulkefli Jais**, berjudul **“Project Temporary Marking”** di **Asia Culture Center, Gwangju** dan **Korea Foundation Gallery, Seoul, Korea Selatan** sempena **Gwangju Biennale 2024**, yang berlangsung **mulai hari ini hingga 1 Disember 2024**. **“Project Temporary Marking”** turut mendapat sokongan daripada Majlis Perbandaran Teluk Intan, dan Tourism Malaysia.

Pavilion Malaysia yang mempamerkan hasil karya Zulkefli Jais telah menerima kunjungan YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha MOTAC. Turut hadir adalah TYT Dato' Mohd Zamruni Khalid, Duta Besar Malaysia ke Korea, YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, YBrs. Encik Lee Kanghyun, Presiden Asia Culture Center (ACC) serta pegawai-pegawai kanan MOTAC dan Balai Seni Negara.

Penyertaan Zulkefli Jais dalam acara seni berprestij ini merupakan pengiktirafan besar buat negara, menonjolkan perkembangan seni kontemporari Malaysia, serta menandakan pencapaian penting bagi beliau dalam usaha untuk meraih pengiktirafan di peringkat global.

Karya **“Project Temporary Marking”**, yang sebelum ini dipamerkan di Menara Condong, Teluk Intan, Perak, menampilkan gabungan jaket (vest) yang melambangkan Menara Condong sebagai mercu tanda bandar tersebut. Karya ini memaparkan pertindihan antara aspek geografi dan sejarah bandar, serta turut dikaitkan dengan memori Zulkefli Jais sebagai anak jati Teluk Intan, Perak, Malaysia. Setiap jaket dalam karya ini mewakili

perasaan dan ingatan terhadap bencana yang pernah menimpa pelarian di bandar itu, serta menjadi peringatan bahawa sejarah mempunyai kecenderungan untuk berulang.

Karya ini dipamerkan bersama tayangan dokumentari pendek berdurasi 6 minit 2 saat yang ditayangkan secara berulang sepanjang pameran berlangsung. Dokumentari ini mendedahkan sejarah sekitar Menara Condong, dengan bunyi loceng yang berbunyi setiap jam, mengikut Waktu Malaysia (MYT), untuk memberikan gambaran serta penghayatan yang lebih mendalam terhadap karya berkenaan.

Menurut YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, “*Balai Seni Negara melihat peluang untuk mengangkat seniman muda tempatan ke peringkat yang lebih tinggi. Seniman ini dipilih setelah melalui satu proses yang panjang dalam Pertandingan Bakat Muda Sezaman (BMS), di mana beliau perlu bersaing dengan puluhan peserta lain sebelum diumumkan sebagai pemenang Anugerah Utama pertandingan itu. Penyertaan beliau di Gwangju Biennale 2024 memberi suntikan semangat dan anjakan baharu buat beliau. Melalui pendedahan ini, diharap beliau akan terus menyinar sebagai seniman muda yang berpotensi serta mampu membawa nama Malaysia ke persada antarabangsa.*”

Balai Seni Negara turut menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada dua kurator yang mewakili Balai Seni Negara, iaitu Erry Arham Azmi dan Syahrul Niza Ahmad Zaini, atas dedikasi dan komitmen mereka dalam memastikan pameran ini berjalan lancar.

Balai Seni Negara sentiasa komited dalam memberi sokongan kepada artis-artis tempatan. Kejayaan Zulkefli Jais dalam mengangkat karyanya ke pentas antarabangsa dilihat mampu menjadi pemangkin kepada perkembangan seni kontemporari di Malaysia, selain turut mempromosikan sejarah dan keunikan budaya Malaysia ke peringkat global.

---

*Dikeluarkan:*  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**  
No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur  
Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998  
E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Zuriyadi Sarpin**  
T: +60 11 1005 5207  
E: [zuriyadi@artgallery.gov.my](mailto:zuriyadi@artgallery.gov.my)

**Intan Syazwina Suhaimi**  
T: +60 19 998 5884  
E: [syazwina@artgallery.gov.my](mailto:syazwina@artgallery.gov.my)